



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 37 TAHUN 2005**

---

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PENGUASA BOMBA,  
PENOLONG PENGUASA BOMBA, PEGAWAI BOMBA DAN AHLI BOMBA**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk mengubah skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba, Pegawai Bomba dan Ahli Bomba yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah bersetuju supaya skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba, Pegawai Bomba dan Ahli Bomba diubah selaras dengan perubahan tugas dan hasrat kerajaan untuk memantapkan lagi pengurusan organisasi serta meningkatkan mutu perkhidmatan bomba pada masa hadapan. Selaras dengan keputusan tersebut, perbekalan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan diubah sewajarnya.

## **SKIM PERKHIDMATAN PENGUASA BOMBA, PENOLONG PENGUASA BOMBA DAN PEGAWAI BOMBA**

3. Struktur perkhidmatan Bomba dan Penyelamat yang sedang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 diubah dari empat (4) lapisan perkhidmatan iaitu Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba, Pegawai Bomba dan Ahli Bomba kepada tiga (3) lapisan dengan memansuhkan Ahli Bomba.
4. Skim perkhidmatan Penguasa Bomba diubah mengikut gred-gred dalam Sistem Saraan Malaysia iaitu daripada Gred KB41, KB42, KB48, KB50 dan KB54 kepada Gred KB41, KB44, KB48, KB52 dan KB54.
5. Skim perkhidmatan Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 dan KB32 ditambah satu lagi lapisan gred kenaikan pangkat iaitu Gred KB38.
6. Skim perkhidmatan Ahli Bomba Gred KB11, KB14, KB16 dimansuhkan dan skim perkhidmatan Pegawai Bomba Gred KB17, KB22, KB24 dipinda kepada skim perkhidmatan Pegawai Bomba Gred KB17, KB22, KB24, KB26. Syarat lantikan bagi skim perkhidmatan Pegawai Bomba Gred KB17, KB22, KB24, KB26 ialah Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
7. Skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Bomba yang baru adalah seperti di [Lampiran A, A1](#) dan [A2](#) dan format iklan bagi urusan pengambilan adalah seperti di [Lampiran B, B1](#) dan [B2](#). Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Bomba adalah seperti di [Lampiran C, C1, C2, C3, C4, C5, C6, C7, C8, C9, C10](#) dan [C11](#). Penghuraian tugas adalah seperti di [Lampiran D, D1, D2, D3, D4, D5, D6, D7](#).

[D8](#), [D9](#), [D10](#) dan [D11](#). Pindaan perbekalan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) bagi skim perkhidmatan yang terlibat adalah seperti di [Lampiran H](#).

## **PELAKSANAAN**

8. Semua pegawai dalam skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Bomba yang telah dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Bomba yang baru mengikut gred-gred seperti berikut:

(a) **Skim Perkhidmatan Penguasa Bomba**

Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Penguasa Bomba, pertukaran pelantikan adalah seperti berikut:

- i. Penguasa Bomba Gred KB54 ke Penguasa Bomba Gred KB54;
- ii. Penguasa Bomba Gred KB50 ke Penguasa Bomba Gred KB52;
- iii. Penguasa Bomba Gred KB48 ke Penguasa Bomba Gred KB48;
- iv. Penguasa Bomba Gred KB42 ke Penguasa Bomba Gred KB44; dan
- v. Penguasa Bomba Gred KB41 ke Penguasa Bomba Gred KB41.

(b) **Skim Perkhidmatan Penolong Penguasa Bomba**

Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Penguasa Bomba, pertukaran pelantikan adalah dari gred ke gred seperti berikut:

- i. Penolong Penguasa Bomba Gred KB32 ke Penolong Penguasa Bomba Gred KB32; dan
- ii. Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 ke Penolong Penguasa Bomba Gred KB29.

(c) **Skim Perkhidmatan Pegawai Bomba**

Bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Bomba, pertukaran pelantikan adalah dari gred ke gred seperti berikut:

- i. Pegawai Bomba Gred KB24 ke Pegawai Bomba Gred KB24;
- ii. Pegawai Bomba Gred KB22 ke Pegawai Bomba Gred KB22; dan
- iii. Pegawai Bomba Gred KB17 ke Pegawai Bomba Gred KB17;

9. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Ahli Bomba yang telah dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Bomba dari gred asal ke gred lantikan seperti berikut:

### **Skim Perkhidmatan Ahli Bomba**

- i. Ahli Bomba Gred KB14 dan KB16 ke Pegawai Bomba Gred KB17;
- ii. Ahli Bomba Gred KB11 berke Layakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ke Pegawai Bomba Gred KB17;
- iii. Ahli Bomba Gred KB11 yang tidak memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya tetapi telah berkhidmat lebih enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan ke Pegawai Bomba Gred KB17; dan
- iv. Ahli Bomba Gred KB11 yang tidak mempunyai kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan belum berkhidmat melebihi enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke Pegawai Bomba Gred KB17 sehari selepas memenuhi syarat sama ada mendapat kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ataupun genap enam (6) tahun tempoh perkhidmatan dalam jawatan sekarang. Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap di skim perkhidmatan Ahli Bomba tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji. Pegawai akan kekal di dalam gred asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga memenuhi syarat tersebut.

10. Ketua jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan-jawatan baru di bawah skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba Gred KB44, KB52 secara tukar ganti bagi jawatan Penguasa Bomba Gred KB42, KB50. Manakala jawatan baru bagi skim perkhidmatan Pegawai Bomba Gred KB17 secara tukar ganti bagi jawatan Pegawai Bomba Gred KB11, KB14, KB16.

### **PEMBERIAN OPSYEN**

11. Dengan berkuatkuasanya skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Bomba yang baru ini, Pihak Berkuasa Melantik melalui ketua perkhidmatan akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai sedang berkhidmat bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba Gred KB41, KB44, KB48, KB52, KB54, Penolong Penguasa Bomba Gred KB29, KB32, KB38 dan Pegawai Bomba Gred KB17, KB22, KB24, KB26 yang baru. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

12. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam skim perkhidmatan hakiki sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

13. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta telah memilih Sistem Saraan Malaysia.

14. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada pegawai yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

15. Pegawai yang sedang dalam tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhkan hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

16. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan dalam tempoh opsyen asal, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan pegawai membuat pilihan walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

17. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran opsyen, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di [Lampiran E](#), [E1](#), [E2](#), [E3](#), [E4](#), [E5](#), [E6](#), [E7](#), [E8](#), [E9](#), [E10](#) dan [E11](#).

18. Ahli Bomba Gred KB11 yang tidak mempunyai kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan belum memenuhi syarat tempoh berkhidmat genap enam (6) tahun pada tarikh pertukaran pelantikan hendaklah diberi opsyen dengan menggunakan borang opsyen khas seperti di [Lampiran F](#), [F1](#) dan [F2](#).

19. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai dalam lantikan sementara/ kontrak/ sambilan.

## **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

### **Penguasa Bomba**

20. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan daripada skim perkhidmatan Penguasa Bomba sekarang ke skim perkhidmatan Penguasa Bomba yang baru ialah seperti berikut:

- (a) Penguasa Bomba Gred KB54 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KB54 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (b) Penguasa Bomba Gred KB50 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred KB52 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (c) Penguasa Bomba Gred KB48 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KB48 baru yang jumlahnya tidak kurang

daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

- (d) Penguasa Bomba Gred KB42 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred KB44 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (e) Penguasa Bomba Gred KB41 yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KB41 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (f) Penguasa Bomba Gred KB41 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Gred KB41 baru.

### **Penolong Penguasa Bomba**

21. Kaedah penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan daripada skim perkhidmatan Penolong Penguasa Bomba sekarang ke skim perkhidmatan Penolong Penguasa Bomba yang baru ialah seperti berikut:

- (a) Penolong Penguasa Bomba Gred KB32 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KB32 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (b) Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KB29 baru yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (c) Penolong Penguasa Bomba Gred KB29 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Gred KB29 baru.

### **Pegawai Bomba**

22. Kaedah penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan daripada skim perkhidmatan Pegawai Bomba sekarang ke skim perkhidmatan Pegawai Bomba yang baru ialah seperti berikut:

- (a) Pegawai Bomba Gred KB24 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KB24 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (b) Pegawai Bomba Gred KB22 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KB22 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (c) Pegawai Bomba Gred KB17 yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred KB17 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (d) Pegawai Bomba Gred KB17 yang belum disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) Gred KB17 baru.

## **Ahli Bomba**

23. Kaedah penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan daripada skim perkhidmatan Ahli Bomba ke skim perkhidmatan Pegawai Bomba yang baru ialah seperti berikut:

- (a) Ahli Bomba Gred KB16 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred KB17 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (b) Ahli Bomba Gred KB14 hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred KB17 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (c) Ahli Bomba Gred KB11 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) di Gred KB17 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;

- (d) Ahli Bomba Gred KB11 yang belum disahkan dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) di Gred KB17 baru;
- (e) Ahli Bomba Gred KB11 yang telah disahkan dalam perkhidmatan, tidak memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya tetapi telah berkhidmat lebih enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) di Gred KB17 baru yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- (f) Ahli Bomba Gred KB11 yang belum disahkan dalam perkhidmatan, tidak memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya tetapi telah berkhidmat lebih enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditetapkan ke matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 1 (P1) di Gred KB17 baru; dan
- (g) Ahli Bomba Gred KB11 yang tidak memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan belum berkhidmat melebihi enam (6) tahun pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di gred asal skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan dipindahkan ke matagaji berkenaan pada Gred KB17 yang baru sehari selepas memenuhi syarat sama ada mendapat kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ataupun genap enam (6) tahun perkhidmatan.

24. Jika matagaji di jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di perenggan **20, 21, 22** dan **23** di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

25. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan adalah seperti di [Lampiran G](#), [G1](#), [G2](#), [G3](#), [G4](#), [G5](#) dan [G6](#).

### **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

26. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan itu dikuatkuasakan hendaklah diberi di jawatan baru kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat kelayakan atau tempoh perkhidmatan yang ditetapkan di perenggan **23(g)** di atas.

27. Bagi pegawai di perenggan **23(g)** di atas, pergerakan gaji tahunannya hendaklah diberi di jawatan asal mengikut Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tahunan masing-masing.

### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

28. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru ialah pada 1 Januari tahun berikutnya. TPG bagi pegawai yang belum layak untuk ditukar lantik ke gred yang ditetapkan adalah tidak berubah. Walau bagaimanapun, TPG tersebut akan diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pegawai tersebut layak ditukar lantik dan TPG barunya ialah pada 1 Januari tahun berikutnya.

## ELAUN DAN KEMUDAHAN

29. Pelaksanaan skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Bomba yang baru tidak melibatkan perubahan kepada kaedah penetapan kelayakan elaun dan kemudahan yang sedia ada. Elaun dan kemudahan yang diperuntukkan adalah terus berkuat kuasa di bawah skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Bomba yang baru.

30. Berikutan dengan perubahan skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba dan Pegawai Bomba, pelaksanaan pemberian Imbuhan Tetap Keraian dan Imbuhan Tetap Khidmat Awam bagi skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Bomba yang baru adalah seperti berikut:

(a) Imbuhan Tetap Keraian

Bil.	Gred Baru	Kadar Baru (RM) Sebulan
i.	KB54	800.00
ii.	KB52	600.00
iii.	KB48	550.00
iv.	KB44	400.00

(b) Imbuhan Tetap Khidmat Awam

Bil.	Gred Baru	Kadar Baru (RM) Sebulan
i.	KB41	300.00
ii.	KB32	115.00
iii.	KB38	170.00
iv.	KB29	115.00

Bil.	Gred Baru	Kadar Baru (RM) Sebulan
v.	KB26	100.00
vi.	KB24	80.00
vii.	KB22	80.00
viii.	KB17	80.00

31. Pegawai Bomba Gred KB11 yang tidak memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan belum genap enam (6) tahun perkhidmatan yang dikekalkan secara KUP di gred asal skim perkhidmatan sedia ada dibayar Imbuhan Tetap Khidmat Awam sebanyak RM65.00 sebulan. Pegawai akan dibayar Imbuhan Tetap Khidmat Awam sebanyak RM80.00 sebulan mulai daripada tarikh pegawai ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru.

#### **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

32. Bagi melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, ketua jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat melalui ketua jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada ketua jabatan/ perkhidmatan.

(b) **Ketua Jabatan**

- i. mengemukakan senarai nama pegawai yang terlibat dalam urusan pertukaran pelantikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk kelulusan;

- ii. menyampaikan opsi kepada pegawai yang terlibat dan memberi penjelasan yang terperinci mengenai opsi serta implikasi keputusan yang dibuat;
- iii. menyampaikan opsi khas kepada pegawai yang belum memenuhi syarat untuk bertukar ke skim perkhidmatan Pegawai Bomba yang baru dengan menggunakan borang opsi khas;
- iv. mengemaskini kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti pegawai yang terlibat; dan
- v. melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- i. membaca dengan teliti dan faham mengenai opsi sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ketua jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- ii. melengkapkan dua (2) salinan borang tawaran opsi iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- iii. membuat pilihan dan mengembalikan borang tawaran opsi dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.

## **TARIKH KUAT KUASA**

33. Skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba dan Pegawai Bomba yang baru ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2006**.

## **PEMBATALAN**

34. Dengan berkuatkuasanya skim-skim perkhidmatan ini, maka skim-skim perkhidmatan Penguasa Bomba, Penolong Penguasa Bomba, Pegawai Bomba dan Ahli Bomba yang berkuat kuasa mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan kecuali bagi menampung pegawai yang tidak menerima tawaran opsyen di bawah urusan ini.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**( DATO' SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

27 Disember 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Akauntan Negara Malaysia

Ketua Audit Negara